

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 FEBRUARI 2017 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Technology FMA kurangkan 20 peratus kos naik taraf jalan raya – MOSTI	BERNAMA
2.	FMA technology reduces road upgrading cost by up to 20pc, says MOSTI	Malay Mail
3.	FMA technology reduces road upgrading cost by up to 20 per cent – MOSTI	BERNAMA
4.	Puncak Kinabalu kawasan paling sejuk di Malaysia – Jabatan Meteorologi	BERNAMA



Teknologi FMA kurangkan 20 peratus kos naik taraf jalan raya - MOSTI



MELAKA: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada Sabtu memperkenalkan teknologi 'Fibre Mastic Asphalt' (FMA) yang mampu mengurangkan antara 15 dan 20 peratus kos menaik taraf jalan raya di negara ini.

Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata teknologi diperkenalkan melalui agensi di bawah kementeriannya, **Perbadanan Pembangunan Teknologi**

Malaysia (MTDC), itu juga mampu meningkatkan ketahanan jalan raya antara tujuh dan 10 tahun berbanding turapan biasa.

Beliau berkata menaik taraf jalan raya dengan teknologi itu mampu menampung bebanan tinggi dan seterusnya dapat mengatasi masalah kerosakan jalan raya kerana mempunyai kapasiti untuk menampung kenderaan muatan berat.

"Dengan kos menaik taraf dikurangkan, dan ketahanan bertambah ini merupakan satu penjimatan yang sangat baik untuk negara," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Projek Inovasi Sosial MOSTI (MSI) Menaik Taraf Jalan Kampung di Jalan Wakaf Bertam Ulu di sini semalam.

Pembangunan teknologi itu di bawah program MSI dilaksanakan di negara ini dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Novapave Sdn Bhd.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif MTDC Datuk Norhalim Yunus dan Ketua Eksekutif Novapave Sdn Bhd Fareez Fahmi.

Mengulas lanjut, Abu Bakar berkata teknologi itu telah diguna pakai di Korea Selatan serta India, dan MOSTI berharap ia dapat diterima serta dikomersialkan syarikat yang terlibat dalam industri penurapan jalan raya di negara ini.

"Program ini merupakan projek MSI yang ke-13 bagi Melaka dan sehingga kini MOSTI telah membelanjakan kira-kira RM3.8 juta menerusi projek MSI sepanjang tahun lepas," katanya.

Sementara itu, Norhalim berkata teknologi berkenaan menggunakan 'fibre selulos' sebagai bahan pembinaan dan merupakan gentian yang dihasilkan daripada bahan buangan domestik kelapa sawit atau dikenali sebagai Novacel.

Beliau berkata melalui penyelidikan yang dijalankan, Novacel yang dihasilkan dalam bentuk gentian selulos dipertingkatkan kualiti dan sifatnya bagi menstabilkan campuran asphalt.

MTDC ditubuhkan pada 1992 berperanan sebagai agen pemacu pembangunan syarikat berasaskan teknologi, menggalakkan pemindahan hasil penyelidikan dan pembangunan tempatan serta pemangkin kepada pertumbuhan industri modal teroka di negara ini.

-- BERNAMA



FMA technology reduces road upgrading cost by up to 20pc, says Mosti

MELAKA, Feb 4 — The **Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)** today introduced the Fibre Mastic Asphalt (FMA) technology which can reduce road upgrading cost by 15 to 20 per cent.

Deputy Minister Datuk Abu Bakar Mohamad Diah said the technology, introduced by the ministry's agency, **Malaysia Technology Development Corporation (MTDC)**, was also capable of enhancing road durability by seven to 10 years, as compared to standard asphalt pavement.

"With road upgrading cost reduced and road durability increased, it is indeed good saving measure for the country," he told reporters after launching the MOSTI Social Innovation (MSI) Programme involving a village road upgrading project using the MSI technology at Jalan Wakaf Bertam Ulu here today.

The technology was developed under the MSI Programme with the cooperation from Universiti Putra Malaysia and Novapave Sdn Bhd.

Also present were MTDC chief executive officer Datuk Norhalim Yunus and Novapave Sdn Bhd chief executive Fareez Fahmi.

- See more at: <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/fma-technology-reduces-road-upgrading-cost-by-up-to-20pc-says-mosti#sthash.CFT02To3.dpuf>



FMA Technology Reduces Road Upgrading Cost By Up To 20 Per Cent - MOSTI

MELAKA, Feb 4 (Bernama) -- **The Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)** today introduced the Fibre Mastic Asphalt (FMA) technology which can reduce road upgrading cost by 15 to 20 per cent.

Deputy Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said the technology, introduced by the ministry's agency, Malaysia Technology Development Corporation (MTDC), was also capable of enhancing road durability by seven to 10 years, as compared to standard asphalt pavement.

"With road upgrading cost reduced and road durability increased, it is indeed good saving measure for the country," he told reporters after launching the MOSTI Social Innovation (MSI) Programme involving a village road upgrading project using the MSI technology at Jalan Wakaf Bertam Ulu here today.

The technology was developed under the MSI Programme with the cooperation from Universiti Putra Malaysia and Novapave Sdn Bhd.

Also present were MTDC chief executive officer Datuk Norhalim Yunus and Novapave Sdn Bhd chief executive Fareez Fahmi.

-- BERNAMA



Puncak Gunung Kinabalu kawasan paling sejuk di Malaysia - Jabatan Meteorologi

KUALA LUMPUR: Tarikan pelancongan di Sabah, puncak Gunung Kinabalu yang mempunyai ketinggian 4,095 meter dari aras laut merupakan tempat paling sejuk di Malaysia, kata Jabatan Meteorologi Malaysia.

Ketua Pengarahnya Datuk Che Gayah Ismail berkata suhu Gunung Kinabalu yang merupakan puncak tertinggi di Malaysia dan di Asia Tenggara boleh turun sehingga dua darjah selsius.

"Secara amnya suhu akan turun dengan kadar 6.4 darjah selsius untuk setiap kilometer ketinggian. Justeru, tempat paling sejuk di Malaysia adalah puncak Gunung Kinabalu yang mempunyai ketinggian 4,095 meter dari paras laut di mana suhunya boleh turun sehingga dua darjah selsius," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Bagaimanapun, katanya jabatan itu tidak mempunyai stesen meteorologi di kawasan puncak gunung, kecuali stesen di Laban Rata iaitu tempat persinggahan sebelum ke puncak gunung tersebut.

Selain puncak Gunung Kinabalu, Che Gayah berkata berdasarkan rekod daripada 44 stesen utama di seluruh negara, pusat peranginan terkemuka Cameron Highlands juga merupakan antara kawasan paling sejuk di Malaysia dengan suhu terendah 16 darjah selsius pada Januari lepas.

Beliau berkata suhu rendah yang direkodkan di Cameron Highlands disebabkan Stesen Cameron Highlands berada pada paras tinggi iaitu 1,471.6 meter dari aras laut.

"Cameron Highlands juga pernah melakar sejarah sebagai kawasan yang mencatat suhu paling rendah dalam negara iaitu 7.8 darjah selsius pada Februari 1978 berbanding 19 stesen utama lain yang ada pada ketika itu," katanya.

-- BERNAMA